

LEUKERAN TABLETS

Chlorambucil (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LEUKERAN Tablet
2. Bagaimana LEUKERAN Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan LEUKERAN Tablet
4. Cara menggunakan LEUKERAN Tablet
5. Semasa menggunakan LEUKERAN Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LEUKERAN Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan LEUKERAN Tablet

LEUKERAN Tablet digunakan untuk merawat sesetengah jenis kanser dan gangguan darah.

Chlorambucil digunakan untuk:

- Penyakit Hodgkin dan limfoma bukan Hodgkin. Kedua-duanya membentuk satu kumpulan penyakit yang dikenali sebagai limfoma. Ia ialah kanser yang terbentuk daripada sel-sel sistem limfa.
- Leukemia limfositik kronik. Sejenis kanser sel darah putih di mana sum-sum tulang menghasilkan sejumlah besar sel-sel putih yang tidak normal.
- Makroglobulinemia Waldenstrom. Sejenis limfoma yang jarang berlaku yang dikaitkan dengan peningkatan sel B, sejenis sel darah putih yang tidak terkawal, menyebabkan pembebasan

protein tidak normal ke dalam darah.

Bagaimana LEUKERAN Tablet berfungsi

LEUKERAN Tablet mengandungi ubat yang dinamakan sebagai Chlorambucil. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai sitotoksik. Ia mengganggu sel yang tidak normal dalam badan anda.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab LEUKERAN Tablet dipreskripsikan kepada anda. Doktor anda mungkin mempreskripsikan LEUKERAN Tablet untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan LEUKERAN Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- Chlorambucil, bahan aktif ubat ini
- Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan mengambil LEUKERAN Tablet jika anda bercadang untuk hamil atau menjadi bapa melainkan jika anda dan doktor anda telah membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

LEUKERAN Tablet mungkin merosakkan telur dan sperma. Kaedah-kaedah kontraseptif yang boleh dipercayai haruslah diambil untuk mengelak kehamilan semasa anda atau

pasangan anda mengambil ubat ini.

Jangan mengambil ubat ini jika anda hamil atau menyusukan bayi melainkan anda dan doktor anda telah membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan LEUKERAN Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang keadaan seperti yang berikut:

- anda pernah menjalani atau sedang menjalani radioterapi atau kemoterapi
- anda baru-baru ini mendapatkan vaksinasi atau bercadang untuk mendapatkan vaksin
- penyakit buah pinggang atau hati

Kemungkinan penggunaan Chlorambucil, terutamanya jika digunakan untuk jangka masa panjang, boleh meningkatkan risiko mendapat kanser darah sekunder. Doktor anda akan menimbang manfaat potensi ubat ini terhadap risiko.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil LEUKERAN Tablet.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan LEUKERAN Tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Phenylbutazone (digunakan untuk merawat demam, kesakitan dan inflamasi dalam badan)
- vaksinasi dengan vaksin organisma 'hidup'

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh LEUKERAN Tablet atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil sebarang ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil LEUKERAN Tablet.

Cara menggunakan LEUKERAN Tablet

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

LEUKERAN Tablet hanya boleh diberikan kepada anda oleh doktor pakar yang berpengalaman dalam merawat kanser.

Penyakit Hodgkin

- Dos biasa ialah 0.2mg per kilogram berat badan anda setiap hari untuk orang dewasa dan kanak-kanak.

Penyakit limfoma bukan Hodgkin

- Dos biasa ialah 0.1mg hingga 0.2mg per kilogram berat badan anda setiap hari untuk orang dewasa dan kanak-kanak.

Leukemia limfositik kronik

- Dos permulaan biasanya ialah 0.15mg per kilogram berat badan anda setiap hari

Makroglobulinemia Waldenstrom

- Dos permulaan biasanya ialah 6mg hingga 12mg setiap hari. Sesetengah orang perlu mengambil Chlorambucil untuk jangka masa panjang. Jika anda perlu mengambil ubat ini untuk jangka masa panjang, dos biasa ialah 2 mg hingga 8mg setiap hari. Ikut arahan doktor anda dengan teliti.

Sentiasa ambil LEUKERAN Tablet seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan menentukan dos dan berapa lama anda akan mengambil LEUKERAN Tablet. Ini bergantung kepada

faktor-faktor seperti berat badan anda dan tindak balas anda terhadap rawatan. Doktor anda mungkin akan menukar dos dan kekerapan ubat jika keadaan anda berubah.

Doktor anda mungkin akan mengarahkan anda menjalani ujian darah dengan kerap semasa mengambil LEUKERAN Tablet untuk memantau bilangan sel darah dan menukar dos anda jika perlu.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil setiap dos LEUKERAN Tablet pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Ambil LEUKERAN Tablet secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Beritahu doktor anda jika anda terlupa mengambil dos.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil LEUKERAN Tablet, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Simptom-simptom dos berlebihan termasuklah pengurangan penghasilan sel-sel darah dan platelet, tingkah laku gelisah, hilang kawalan pergerakan badan dan sawan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan LEUKERAN Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil LEUKERAN Tablet.

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil, menyusukan anak atau bercadang untuk menjadi bapa.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil LEUKERAN Tablet.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil LEUKERAN Tablet untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana LEUKERAN Tablet mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan terperanjat dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang berikut:

- Penurunan bilangan sel-sel darah
- Sawan
- Rasa loya dan muntah-muntah
- Cirit-birit
- Ulser mulut
- Kanser darah sekunder
- Reaksi alahan kulit yang serius
- Gangguan pergerakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan LEUKERAN Tablet

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu antara 2 hingga 8°C.

Jangan simpan LEUKERAN Tablet atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil LEUKERAN Tablet atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil bersalut filem, berwarna perang, berbentuk bulat, dwicembung, satu permukaan bertanda "GX EG3" dan permukaan yang satu lagi bertanda "L".

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Chlorambucil

Bahan tidak aktif:

- Lactose anhydrous
- Silica colloidal anhydrous
- Stearic acid
- Opadry brown
- Microcrystalline cellulose

- Nombor MAL

MAL04125474ACZ

Pengilang

Excella GmbH, Nürnberger
Strasse 12, D- 90537 Feucht,
Germany.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Aspen Medical Products
Malaysia Sdn Bhd
(1004761-W)
Unit 1302A, Level 13A,
Uptown 1, 1 Jalan SS21/58,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
13/04/2016

Nombor siri:
BPFK(R4/1)120416/00107